

U GB 23-03 00181 BA673

bah

MAHATHIR MENGAJAK UMAT ISLAM KERJA KUAT DALAM BULAN PUASA
Mahathir - Islam

KOTA BAHARU, 23 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan agar umat Islam tidak mengabaikan kerja harian di bulan puasa, sebaliknya mereka harus bekerja kuat seperti biasa untuk merasakan penderitaan golongan yang kurang bernasib baik.

Perdana Menteri berkata puasa adalah satu ujian terhadap ketabahan hati seseorang dan jika mereka tidur atau berehat, sudah pasti mereka tidak dapat menginsafi penderitaan yang dialami orang lain.

Pada bulan puasa umat Islam perlu bekerja kuat bagi membantu negara dan umat Islam menjadi majudan setanding dengan negara-negara maju lain, katanya ketika berucap pada majlis muhibbah dan berbuka puasa, di Sekolah Politeknik, Kota Baharu di Kok Lan dekat sini malam ini.

Dr Mahathir berkata, bagi melindungi umat Islam di negara ini, kerajaan harus meningkatkan keupayaan ilmu, mentadbir dan di bidang ketenteraan di samping tanggungjawab untuk akhirat.

Beliau berkata wawasan 2020 bertujuan mengimbangi tanggungjawab di dunia dan akhirat supaya ia mampu melindungi negara, umat Islam dan rakyat seluruhnya. -- Lagi

♥23/03/21-41MST

U GB 23-03 00193 BA674

bah

Mahathir - Islam 2 (Akhir) Kota Baharu

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, berkata dasar parti itu bukan sekadar tertumpu kepada akhirat sahaja, sebaliknya ia turut melaksanakan tanggungjawab di dunia supaya orang tidak memandang hina kepada orang Islam.

+Di samping itu, UMNO memelihara kepentingan rakyat yang Jain,+
katanya.

Bagaimanapun, katanya, ada sesetengah pihak yang mentafsirkan Islam sebagai agama yang semata-mata melaksanakan tanggungjawab akhirat.

Beliau meminta rakyat supaya menangkis tohmah-tohmah yang dilemparkan kepada kerajaan persekutuan yang kononnya pelaksanaan wawasan 2020 hanya merupakan wawasan untuk dunia sahaja.

Dr Mahathir berkata pendapat umum menyatakan bahawa umat Islam dan negara-negara Islam tidak mampu menghadapi zaman moden kerana di zaman ini banyak negara-negara Islam telah ketinggalan dan bergantung kepada kuasa-kuasa besar yang bukan negara Islam.

+Hari ini, negara-negara Islam tidak bebas lagi kerana terpaksa mendapatkan ilmu serta bantuan lain daripada negara-negara bukan Islam sedangkan pada suatu masa dahulu semua bidang ilmu dikuasai oleh Islam,+
katanya.

Dr Mahathir berkata disebabkan negara-negara Islam termasuk yang kaya itu lemah, tidak cekap mentadbir dan tidak aman, umat Islam dihinai oleh kuasa-kuasa besar. -- Bernama

23/03/21 50MST